

New Zealand dianggap rakan penting

BH-17/7/2007

KUALA LUMPUR: Malaysia sentiasa melihat New Zealand sebagai rakan lama yang bernilai dalam banyak bidang kerjasama, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, ini termasuk bukan hanya dalam bidang keselamatan dan pertahanan, tetapi juga pendidikan, pembangunan modal insan, sains dan teknologi serta perdagangan dan pelaburan.

Dalam konteks ini, Abdullah berkata, jumlah dagangan dan pelaburan dua hala antara kedua-dua negara menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya.

"Bagaimanapun, saya mengatakan bahawa masih ada lagi banyak ruang

untuk diperbaiki dalam kedua-dua bidang ini," katanya pada ucapan makan malam meraikan rakan sejawatnya dari New Zealand, Helen Clark di sini malam tadi.

Clark tiba di sini Sabtu lalu untuk lawatan rasmi dua hari ke Malaysia. Lawatan itu sebagai membalas lawatan rasmi Abdullah ke New Zealand pada Mac 2005.

Abdullah berkata, kerjasama dalam pendidikan adalah satu bidang dengan Kuala Lumpur berhasrat untuk melihat perluasan sambil menambah bahawa kedua-dua negara membuat rangka kerja yang baik untuk memenuhi objektif ini.

"Malaysia berhasrat melihat kerjasama dalam bidang pendidikan

yang diperluaskan bukan hanya pada peringkat pembelajaran tetapi pada peringkat pengajaran," kata beliau.

Abdullah juga berkata, kerjasama yang luas diperlukan antara Kuala Lumpur dan Wellington dalam bidang pertanian dan perniagaan tani.

"Desakan kita dalam kemajuan pertanian ialah meningkatkan rangkaian nilai, menanamkan tambah nilai tinggi aktiviti pertanian dan pembangunan pertanian komersial yang besar, penggunaan ICT serta menerokai sepenuhnya potensi bioteknologi," kata beliau.

Abdullah menjemput syarikat New Zealand untuk mewujudkan pelaburan bersama dan kerjasama dengan syarikat, universiti dan firma modal

pelaburan Malaysia dalam pembangunan industri bioteknologi.

Beliau juga melahirkan penghargaan Malaysia terhadap sumbangan New Zealand terhadap keamanan dan kestabilan Asia Tenggara.

Mengenai sokongan New Zealand untuk Asean dan aktiviti berkaitan, Abdullah berkata, Malaysia juga menilai penyertaan aktif New Zealand dalam rangka kerja strategik rantau ini terutama dalam Forum Rantau Asean (ARF) dan proses Sidang Kemuncak Asia Timur.

"Lawatan anda ke sini sangat penting kerana ia mencerminkan hubungan rapat dan persahabatan yang terjalin antara Malaysia dan New Zealand," kata Abdullah. - Bernama